Kajian tentang sejarah Islam di kawasan Sulawesi Selatan telah banyak dilakukan oleh para sarjana terdahulu, seperti Noorduyn (1956: 247-266; 1972) yang mengkaji tentang proses Islamisasi di Makassar. Suryadi Mappangara dan Irwan Abbas (2003) menghuraikan tentang proses Islamisasi di kawasan Sulawesi Selatan dan kawasan timur Indonesia. Poelinggomang *et al.* (2004:49-73) menghuraikan pula tentang Islamisasi di kawasan Sulawesi Selatan. Andi Zainal Abidin (1999: 213-252) melalui kajian *lontara'*, menghuraikan tentang sistem pemerintahan dan institusi sosial masa kekuasaan Kerajaan Gowa sebagai kerajaan Islam. Dihuraikan pula tentang Syekh Yusuf, salah satu tokoh penyebar Islam yang berasal dari Makassar abad ke-17 Masihi, yang berhasil menyebarkan Islam di kawasan Makassar, Jawa, Sumatera, Sri Lanka dan Afrika Selatan. Mattulada (1982: 38-161) dalam huraian tentang sistem pemerintahan Kerajaan Gowa setelah menerima agama Islam sebagai agama kerajaan, munculnya institusi Islam dan peranan Kerajaan Gowa dalam hubungannya dengan kerajaan-kerajaan yang lain di Nusantara. Mattulada (1998) juga mengkaji tentang Islamisasi di beberapa kawasan di Sulawesi Selatan. Abdul Razak Daeng Patunru (1983; 1993; 1995) menulis tentang sejarah Kerajaan Wajo, Gowa dan Bone, termasuk proses Islamisasi dalam ketiga-tiga kerajaan tersebut, semuanya berasaskan kepada kajian naskah *lontara'*. Ahmad Sewang (2005) mengkaji tentang proses Islamisasi

dalam Kerajaan Gowa. Pelras (2006: 141-168) menulis tentang keadaan masyarakat di kawasan Sulawesi Selatan masa pra Islam, proses Islamisasi dan pengaruh Islam dalam pemerintahan dan institusi sosial yang lain. Paeni *et al.* (1995: 89-95) mengkaji tentang proses Islamisasi di kawasan Sulawesi Selatan. Gibson (2008: 63-126) mengkaji tentang peranan Islam dalam sistem pemerintahan moden di kawasan Sulawesi Selatan. Ahmad Jelani Halimi (2008: 320-325) juga membincangkan tentang proses Islamisasi di kawasan Sulawesi. Abdul Rahman Abdullah (2009: 284-289) pula membincangkan tentang proses awal Islamisasi di kawasan Sulawesi. Kajian-kajian tersebut secara umumnya bersumber daripada data kronik *lontara'* dan catatan bangsa asing, seperti Portugis dan Belanda. Namun, dalam kajian-kajian tersebut, belum ada kajian yang menggunakan data-data arkeologi seperti data epigrafi berupa inskripsi pada makam-makam lama dan senibina untuk mengetahui bagaimana bentuk budaya yang berkembang yang tercerminkan pada sisa budaya fizikal, seperti makam, masjid dan artifak yang lain.

Proses Islamisasi di kawasan Sulawesi Selatan belum banyak diungkapkan berdasarkan bukti-bukti arkeologi yang mencukupi. Penulisan tentang tamadun Islam di kawasan tersebut daripada aspek arkeologi, sebahagian besar masih berupa laporan-laporan secara deskriptif. Laporan pertama tentang sisa artifak Islam di Sulawesi Selatan, ditulis oleh Van de Wall (1928: 112-114), menghuraikan secara deskriptif tentang bekas bangunan istana Kesultanan Bone, alat-alat pusaka kerajaan, tanda jasa dan kalung Arung Palakka. Cense (1939: 11) membuat deskripsi singkat tentang makam-makam yang ada di kawasan Sulawesi Selatan untuk keperluan menjalankan ubahsuai, seperti tapak Tompobalang, Tallo, Bontobiraeng dan Tamalate. Jabatan Purbakala (1948: 7-8) menjalankan pekerjaan ubahsuai terhadap makam-makam di tapak Bontobiraeng, Tamalate, Tallo dan Watang Lamuru. Dalam menjalankan

pekerjaan ubahsuai tersebut, dibuat huraian ringkas tentang makam-makam di tapak tersebut. Hal yang menarik perhatian para penyelidik adalah terjumpanya banyak jirat dan nisan makam dengan variasi jenis dan ukuran, terutama jenis jirat dan nisan makam yang banyak mengandungi unsur-unsur budaya prasejarah terutamanya unsur budaya megalitik. Beberapa jenis nisan dijumpai adanya tulisan Arab yang berisi kalimat syahadat, nama Allah dan Muhammad. Dijumpai pula jenis-jenis nisan yang berhubungan dengan alat perhiasan dan senjata raja dan panglima-panglima perang, seperti nisan jenis hulu badik, pedang, tombak, lingga, menhir dan patung-patung manusia yang dipacak satu atau dua di atas makam. Jabatan Purbakala (1947: 60) dalam peninjauannya di kawasan Sulawesi Selatan setelah Indonesia merdeka, membuat keterangan singkat tentang makam-makam yang telah mengalami kerosakan di tapak Watang Lamuru, Jera' Lompoe-Soppeng, Singkang, Tempe, Watanpone dan Palima, guna untuk keperluan perbaikan kelak. Laporan tahunan Dinas Purbakala Republik Indonesia (1950: 4-5), menghuraikan hasil penyelidikan dan pekerjaan ubahsuai tentang makam-makam di kawasan Sulawesi Selatan. Dijumpai adanya jirat dan jirat semu (cungkup) yang menunjukkan adanya proses Islamisasi yang bersifat pembudayaan antara budaya prasejarah (megalitik) dengan Islam. Terdapat jirat semu (cungkup) berbentuk kubah dan longgokan bertingkat-tingkat serta jirat teres bertingkat-tingkat yang ditempatkan di atas permukaan rata atau alas yang luas dan di atasnya dipacak satu atau dua buah nisan. Di dalam rumah di kubur tersebut diletakkan satu atau lebih makam yang sebenarnya dengan satu atau dua buah nisan. Bentuk-bentuk jirat dan nisan di kawasan tersebut mempunyai ciri yang khas, dan tidak dijumpai di kawasan yang lain di Nusantara.

Abdul Muttalib (1978; 1981; 1984) membuat suatu buku kecil mengandungi tentang sejarah singkat tapak, deskripsi masing-masing tapak dan makam, keadaan dan

rancangan untuk menjalankan pekerjaan ubahsuai secara teknik. Tapak-tapak tersebut adalah tapak makam para raja dan keluarganya, iaitu Kompleks Makam Lama Raja-Raja Lamuru, Kompleks Makam Raja-Raja Banggae di Ondongan (Majene) dan Kompleks Raja-Raja Binamu. Deskripsi jumpaan makam di setiap tapak sesuai dengan keadaannya, yang secara umumnya telah mengalami kerosakan teruk dan kemudian dilakukan suatu rancangan untuk menjalankan kerja pengubahsuaian. Demikian pula bahawa dalam penyelidikan awal tersebut, telah diadakan temubual kepada para keturunannya tentang nama-nama tokoh yang dimakam di setiap tapak. Hal ehwal tokoh-tokoh besar seperti para raja, masih diketahui oleh keturunannya, tentang di mana dan yang mana makamnya. Hal ini sangat penting kerana tidak ada kebiasaan pada masa lampau untuk menuliskan nama dan bila seseorang mangkat. Secara umumnya jirat dan nisan makam diklasifikasikan sesuai dengan bentuknya. Muhammad Ramli (1990) menulis buku kecil panduan ringkas tentang Kompleks Makam Raja-Raja Tallo, berisi sejarah singkat tapak, jumlah makam dan jenis jirat dan nisan makam di tapak tersebut. Bahru Kallupa dan Abd. Rifai Husain (1997) menulis pula buku kecil tentang Kompleks Makam Jera' Lompoe, berisi tentang sejarah singkat tapak, beberapa nama tokoh yang dimakamkan, jumlah makam, jenis jirat dan nisan di tapak tersebut, serta petunjuk teknik dalam menjalankan pekerjaan ubahsuai. Hasil kajian dalam buku-buku kecil tersebut dimaksudkan untuk keperluan teknik dan sebagai maklumat awal secara singkat tentang setiap tapak yang dijalankan oleh Jabatan Warisan Budaya, sehingga banyak hal yang berhubungan dengan aspek sosial, budaya, masa dan kaedah klasifikasi data tidak dibincangkan secara mendalam.

Hasan Muarif Ambary (1984, 1998) dalam kajiannya tentang nisan-nisan makam lama, membahagi jenis nisan di Nusantara atas empat, iaitu jenis Aceh, Demak-Troloyo, Ternate-Tidore dan Bugis-Makassar (Ambary, 1984: 45). Jenis Bugis-

Makassar dengan ciri setempat yang dominan seperti kaya dengan hiasan floralistik, antropomorfis, kaya dengan unsur-unsur budaya megalitik seperti nisan arca, hulu keris dan pahatan aksara *lontara* dan Arab. Jenis nisan Bugis-Makassar tersebar juga di Selatan Thailand, Malaysia, Brunei dan Filipina Selatan (Ambary, 1998: 95-104). Penyelidikan nisan di kawasan Sulawesi difokuskan pada Kompleks Makam Raja-Raja Binamu di Jeneponto. Kelemahan daripada hasil kajian tersebut, adalah bahawa ciri-ciri jenis nisan Bugis-Makassar belum dapat sepenuhnya dijadikan sandaran untuk mengklasifikasikan nisan-nisan yang ada di kawasan etnik Bugis dan Makassar bahkan di kawasan yang lebih luas lagi, iaitu kawasan Sulawesi Selatan. Walaupun nisan Bugis dan Makassar mempunyai persamaan, namun terdapat juga perbezaan yang cukup berasingan. Perbezaan ini berlaku kerana Bugis dan Makassar adalah etnik yang berbeza, yang mempunyai perbezaan dari segi sistem sosial, budaya dan geografi. Selain itu, di kawasan Sulawesi Selatan juga terdapat etnik yang lain seperti etnik Mandar dan Toraja. Oleh kerana itu, istilah tentang budaya Islam termasuk istilah nisan Bugis-Makassar perlu dikaji secara mendalam untuk meletakkan pada keadaan yang sebenar.

Suwedi Montana *et al.* (1998: 31-66) telah menjalankan penyelidikan terhadap budaya Islam awal di kawasan Majene dan Polewali Mandar. Penyelidikan awal ini telah berhasil menyusun pelbagai data arkeologi Islam, seperti makam-makam lama, masjid lama, naskah dan bendera. Semua data tersebut menjadi bahan untuk mengkaji proses Islamisasi di kawasan Mandar yang diperkirakan sudah dimulai sejak awal abad ke-17 Masihi. Hal ini dapat didukung oleh bukti arkeologi dengan terjumpanya nisan Aceh C di tapak Kompleks Makam Galetto (Polewali Mandar), iaitu makam Mara'dia Manyang. Khusus untuk jumpaan makam, telah diklasifikasi berdasarkan bentuk seperti jirat monolit dan pasang sambung yang berteras, nisan nipis rata, blok dan silindrik. Kelemahan daripada klasifikasi secara morfologi tersebut, adalah kesukaran

untuk memahami maknanya secara sosial dan budaya. Nisan-nisan dianggap sebagai jenis yang berkembang khas di kawasan tersebut. Kajian ini baru pada peringkat awal sehingga pelbagai aspek yang berhubungan dengan sistem sosial, budaya dan kronologi belum difahami secara mendalam.

Muhaeminah (1998: 37-46) mengkaji tentang jenis nisan makam lama di kawasan pesisir Sulawesi Selatan dan Polewali Mandar. Dalam kajiannya telah menghuraikan jenis-jenis nisan di kedua-dua kawasan tersebut berasaskan bentuk, iaitu bentuk nipis rata, blok, hulu keris dan patung manusia. Nisan-nisan makam tersebut dianggap sebagai bukti awal peradaban Islam di kedua-dua kawasan tersebut yang masih melanjutkan budaya pra Islam dan mempunyai perbezaan secara geografi. Dalam tulisan tersebut tidak dihuraikan hubungan antara kedua kawasan, kronologi nisan, hubungan nisan dengan geografi budaya dan hubungan jenis nisan dengan sistem sosial. Muhaeminah (2009: 115-145) juga telah mengkaji jenis-jenis ragam hias pada bangunan makam lama di kawasan Sulawesi Selatan, khususnya pada makam-makam lama di kawasan Jeneponto, Takalar dan Makassar. Motif ragam hias yang umum dijumpai adalah sulur-suluran daun, geometri, *phallus*, fauna, flora, huruf *lontara* dan antropomorfik. Motif ragam hias yang terdapat pada makam-makam di kawasan tersebut, merupakan pengaruh daripada budaya tempatan, Jawa dan Islam. Sebahagian daripada motif ragam hias tersebut banyak yang tidak sesuai dengan ajaran agama Islam, seperti motif fauna dan antropomorfik. Kajian ini tidak menjelaskan kronologi, hubungannya dengan sistem sosial dan makna daripada pelbagai motif ragam hias yang terdapat pada makam lama di kawasan tersebut. Muhaeminah (2009: 47-93) juga menjalankan penyelidikan pada tapak-tapak di kawasan Kerajaan Suppa (Kabupaten Pinrang) dengan kaedah survei dan ekskavasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tapak di kawasan tersebut telah dihuni pada masa pra Islam dan digunakan terus ketika Islam

sudah masuk. Bentuk sisa budaya Islam yang dijumpai di kawasan tersebut, adalah makam dengan jirat sederhana dan nisan jenis nipis rata dan menhir yang merupakan lanjutan daripada budaya pra Islam. Dalam ekskavasi yang dijalankan tidak ada pentarikan secara saintifik sehingga tidak diketahui masa daripada makam-makam tersebut. Muhaeminah (2000: 83-92) juga mengkaji tentang tapak-tapak pusat kekuasaan kerajaan Tanete abad ke-16 hingga abad ke-19 Masihi di Barru. Salah satu bukti tentang kehadiran Kerajaan Tanete adalah temuan tapak makam zaman Islam, iaitu tapak Petta Tosugie (Lalabata) sekitar abad ke-18 Masihi dan tapak Makam Wetenri Olle (Pancana) sekitar abad ke-19 Masihi (Muhaeminah (2001: 47-50). Tidak dihuraikan secara lanjut bagaimana corak budaya makam yang terdapat di kawasan tersebut. Muhaeminah (2001: 50-54) mengkaji tentang hubungan antara variabel jenis jirat dan nisan di tapak Jera' Lompoe (Soppeng) dengan stratifikasi sosial. Walaupun tapak tersebut merupakan pengebumian para raja dan keluarga Kerajaan Soppeng, namun tetap terdapat peranan yang berbeza di antara mereka, yang diwujudkan dalam bangunan makam. Kajian ini tidak membahas tentang ciri budaya tempatan dan budaya asing pada kompleks makam tersebut. Muhaeminah dan Muhammad Irfan Mahmud (2000: 137-158) telah mengkaji tentang arkitek masjid lama Palopo. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa secara umum arkitek masjid lama Palopo pada asasnya sama dengan masjid-masjid lama di Nusantara, iaitu dengan arkitek atap tumpang. Masjid tersebut telah dibangun sejak pertengahan abad ke-17 Masihi sebagai masjid Kerajaan Luwu. Daripada segi bentuk dan ornamen masih nampak adanya pengaruh budaya tempatan yang bersentuhan dengan Islam, seperti bentuk atap berteres, cara letak di tapak yang sengaja ditinggikan, adanya bangunan serambi dan penggunaan beduk daripada kayu.

Muhammad Irfan Mahmud (2000: 115-136) mengkaji tentang nisan-nisan yang terdapat di tapak Kompleks Benteng Tompottikka (Palopo) dalam hubungannya dengan simbol-simbol keislaman. Hasil kajian menghuraikan bahawa nisan-nisan yang berinskripsi Arab mengandungi simbol yang berhubungan dengan sunnah dan alam semesta. Dalam kajian ini tidak dijelaskan secara terperinci tentang jenis nisan dan hubungannya dengan sistem sosial, kronologi dan hubungan-hubungan dengan budaya lain. Muhammad Irfan Mahmud (2001: 73-90) juga mengkaji tentang makam-makam lama di kawasan Enrekang. Sisa budaya Islam berupa makam lama di kawasan tersebut masih didominasi oleh wujud budaya pra Islam seperti jirat berbentuk teres bertingkat-tingkat, atap bersusun-susun, perahu dan peti batu, manakala nisan dominan adalah jenis patung manusia, *phallus* dan menhir. Budaya tersebut dianggap sebagai contoh wujud budaya Islam yang menggalangkan tradisi budaya sebelumnya yang masih berlanjutan di kawasan pinggiran daripada kekuasaan budaya Bugis. Dalam kajian tersebut tidak diketahui masa dan cenderung memandang budaya Islam di kawasan tersebut sebagai bahagian daripada budaya Bugis, padahal secara geografi tapak-tapak berada pada kawasan budaya Toraja. Muhammad Irfan Mahmud (2003) dalam bukunya bertajuk *Kota Kuno Palopo*, mengkaji pelbagai sisa budaya di Bandar Palopo sejak Zaman Islam hingga Zaman Kolonial. Kajian ini lebih mengarah kepada kajian ruang dan landasan falsafah yang menjadi asas dalam aturan bandar Palopo pada masing-masing masa yang berbeza. Pelbagai sisa budaya Islam lama, seperti makam, masjid, istana, benteng dan artifak yang lain, menjadi bahagian daripada unsur-unsur pembentuk suatu bandar yang berciri Islam pada masa lampau. Dalam kajian ini, sisa-sisa daripada budaya Islam tidak dikaji secara mendalam, sehingga masa, jenis dan hubungannya dengan budaya yang lain kurang dihuraikan. Muhammad Irfan Mahmud *et al.* (2007: 145-176) dalam buku yang bertajuk *Bantaeng Masa Prasejarah ke Masa*

Islam, mengkaji tentang sejarah budaya di kawasan Bantaeng daripada Zaman Prasejarah hingga masuknya Islam. Kajian tentang proses Islamisasi di kawasan tersebut, dapat dirujuk pada data arkeologi berupa makam, masjid, istana dan naskah-naskah Jawi. Terdapat beberapa jenis jirat dan nisan makam di kawasan tersebut, yang menunjukkan adanya pengaruh budaya pra Islam masih tetap berterusan, sebagai refleksi daripada proses Islamisasi yang berjalan secara damai. Makam juga dapat merefleksikan stratifikasi sosial dan teknologi yang berkembang pada masa awal masuknya Islam. Dalam kajian ini tidak diketahui dengan pasti masa dan siapa yang dimakamkan pada setiap makam yang dijumpai.

Mohammad Ali Fadillah (1989: 107-134) dalam kajiannya tentang nisan-nisan di kawasan Sulawesi Selatan, mengklasifikasikan nisan berasaskan bentuk. Keragaman varian bentuk nisan dapat dikembalikan kepada dua jenis bentuk asas, iaitu bentuk nipis rata dan silindrik. Nisan dianggap sebagai simbol jantina, iaitu bentuk nipis rata sebagai simbol perempuan dan bentuk silindrik sebagai simbol lelaki. Nisan-nisan jenis Bugis-Makassar tersebar di beberapa kawasan Nusantara, seperti Kalimantan, Sumatera, Semenanjung Malaysia, Selatan Thailand, Pilifina Selatan dan kawasan timur Indonesia. Bentuk nisan Bugis-Makassar berkembang secara khas dan banyak dipengaruhi oleh budaya prasejarah, seperti bentuk patung manusia, *phallus* dan ornamen sulur-suluran daun. Kelemahan daripada kajian ini, bahawa nisan sebagai simbol jantina dalam budaya Bugis-Makassar di kawasan Sulawesi Selatan, tidak dapat disamakan semua kerana banyak makam lama pada awal masuknya Islam, seperti makam para raja yang diketahui berjantina lelaki menggunakan nisan nipis rata seperti nisan jenis Aceh C dan nisan jenis pedang yang berbentuk nipis rata. Hal ini dapat dilihat di Kompleks Makam Sultan Hasanuddin, Kompleks Makam Raja-Raja Tallo, Kompleks Makam Raja-Raja Luwu di Lokko'e dan yang lain. Demikian pula bahawa

bentuk nisan di kawasan tersebut tidak hanya berbentuk nipis rata dan silindrik, tetapi ada bentuk yang lain seperti blok dan jenis menhir yang kadang-kadang sukar dikenali bentuknya, dan tidak diketahui sebagai simbol jantina yang mana. Nampaknya bahawa pada masa perkembangan belakangan sekitar abad ke-19 Masihi hingga masa sekarang ini, barulah menjadi satu keseragaman pemahaman budaya tentang bentuk nisan nipis rata dan silindrik sebagai simbol jantina. Hal ini disebabkan oleh munculnya kembali kewujudan unsur-unsur budaya prasejarah yang dominan dalam budaya pemakaman Islam di kawasan Sulawesi Selatan. Mohammad Ali Fadillah (1999) dalam bukunya yang bertajuk *Warisan Budaya Bugis di Pesisir Selatan Denpasar*, mengkaji tentang budaya Islam di kawasan tersebut, seperti makam lama, masjid lama dan perkampungan keturunan Bugis yang masih wujud hingga sekarang. Dalam kajian ini dihuraikan secara jelas dan tegas tentang ciri-ciri makam Bugis, iaitu bentuk jirat berteres dan ragam hias sulur-suluran daun khas Bugis yang berbeza dengan jirat dan ragam hias sulur daun Jawa dan Bali. Lebih jauh dijelaskan bahawa orang Bugis yang mendiami kawasan tersebut adalah kelompok puak-puak yang berasal dari Wajo sekitar abad ke-17 dan 18 Masihi, ketika terjadi kacau-bilau di Wajo akibat peperangan. Bentuk jirat berteres dan suluran daun, sesungguhnya merupakan bentuk makam lama yang umum dikenali di kawasan Sulawesi Selatan, tetapi yang lebih khas identiti Bugis-Wajo, adalah nisan yang berbentuk bulat yang khas berkembang dan hanya dijumpai di makam-makam yang ada di kawasan Kerajaan Wajo masa lampau. Hal yang menarik daripada buku ini, iaitu bahawa Mohammad Ali Fadillah (1999) adalah salah seorang ahli arkeologi yang dengan tegas menolak pendapat ahli sarjana sebelumnya bahawa bentuk jirat dan ragam hias makam di kawasan Sulawesi Selatan dominan mendapat pengaruh budaya Hindu dari Jawa. Bentuk jirat, nisan dan ragam hias makam adalah ciri khas budaya Islam di kawasan tersebut, yang merupakan

akulturasi antara budaya prasejarah dengan budaya Islam. Mohammad Ali Fadillah (2000: 159-195) mengkaji tentang sejarah kuno Wotu dengan menjalankan penyelidikan melalui kaedah survei dan ekskavasi. Dalam penyelidikan tersebut, dijumpai beberapa makam lama di tapak Kubur Petta Sanro, dengan menggunakan jirat peti batu dan nisan jenis nipis rata dan menhir. Tidak ada penjelasan lebih terperinci tentang makam-makam tersebut. Mohammad Ali Fadillah (2004: 173-196) membincangkan tentang pentingnya kajian terhadap sisa budaya Islam di kawasan Sulawesi Selatan dalam penulisan sejarah Islam dan untuk kepentingan pengembangan kebudayaan nasional. Perbincangan ini memberikan dorongan untuk mengkaji secara integratif dan komprehensif pelbagai sisa budaya Islam yang banyak tersebar di kawasan Sulawesi Selatan, seperti makam lama, masjid lama, naskah dan artifak-artifak yang lain. Mohammad Ali Fadillah dan Muhammad Irfan Mahmud (2000) dalam bukunya yang bertajuk *Kerajaan Siang Kuna*, mengkaji tentang keberadaan Kerajaan Siang Kuno berdasarkan pada data tutur, teks dan tapak arkeologi. Data arkeologi yang digunakan adalah hasil survei dan ekskavasi, berupa benteng, kubur pra Islam, makam lama dan artifak-artifak yang lain. Kerajaan Siang Kuna diperkirakan sudah mulai ada sejak abad ke-14 Masihi yang berpusat di muara Sungai Siang (Bungoro'). Sekitar abad ke-16 Masihi, peniaga-peniaga Melayu yang sudah muslim sudah mulai datang berniaga ke pusat kerajaan tersebut, dan pada awal abad ke-17 Masihi, Islam sudah menjadi agama rasmi kerajaan yang dibuktikan dengan jumpaan nisan Acheh C yang digunakan pada makam seorang raja yang bergelar Somba Labakkang.

Akin Duli (1988, 2010, 2012) telah mengkaji tentang data-data arkeologi yang terdapat di kawasan Tosora, seperti tapak-tapak makam lama, masjid lama, *gaddong* (gedung bunga), meriam, benteng dan artifak yang lain. Tosora sebagai pusat Kerajaan Wajo abad ke-16 hingga 19 Masihi, berperanan sebagai pusat pemerintahan, perniagaan

dan penyebaran agama Islam. Bentuk jirat dan nisan makam pada umumnya sederhana, keadaan tapak makam yang tersebar secara tidak teratur termasuk beberapa tapak makam yang terletak di atas benteng, sebagai bukti yang dapat menunjukkan tentang akibat daripada peperangan yang pernah terjadi di kawasan tersebut. Dalam *lontara'* dikisahkan bahawa Kerajaan Wajo yang berpusat di kawasan Tosora, dalam perjalanan sejarahnya selalu menghadapi peperangan dengan beberapa kerajaan tetangga, bahkan terakhir dengan Belanda. Hal inilah yang menyebabkan makam bersebaran secara tidak teratur dan dalam bentuk yang sangat sederhana. Peperangan yang berpanjangan pulalah yang menyebabkan banyak orang Bugis Wajo yang berpindah ke pelbagai kawasan di Nusantara. Jenis nisan Wajo sangat khas yang menyimbolkan peperangan dan perajurit, seperti senjata tombak, pedang, meriam, menhir dan bentuk bulat (*songko'* Bugis) yang menyimbolkan topi askar perang.

Muhammad Nur *et al.* (2008) telah membuat pengumpulan data tapak-tapak arkeologi di kawasan Jeneponto, termasuk jumpaan tapak-tapak makam lama. Dalam penyelidikan ini, menjumpai sebaran makam lama di hampir semua kawasan di Jeneponto. Makam-makam tersebut menggunakan jirat daripada batu dengan kebelbagaian jenis nisan dan ragam hias. Makam-makam di kawasan tersebut sangat kaya dengan pelbagai motif ragam hias, seperti motif tumbuhan yang menjalar, geometri, flora, fauna, antropomorfik dan kaligrafi. Kajian ini tidak membincangkan tentang hubungan makam dengan sistem sosial, masa dan hubungannya dengan makam-makam yang lain di kawasan Sulawesi Selatan.

Hasanuddin *et al.* (2011) telah membincangkan bentuk dan ragam hias makam di tapak-tapak makam lama di kawasan Jeneponto. Bentuk jirat makam di kawasan tersebut, terdiri daripada bentuk monolit dan teres bertingkat-tingkat, jenis nisan yang bervariasi dan kaya dengan pelbagai motif ragam hias. Bentuk makam di kawasan

Jeneponto mempunyai persamaan dengan bentuk makam yang terdapat di Majene. Bentuk dan ragam hias sangat dipengaruhi oleh budaya tempatan yang berasal daripada zaman pra Islam. Tulisan ini tidak membincangkan tentang hubungan antara bentuk dengan sistem sosial dan masa perkembangan. Muhammad Husni *et al.* (2011) membincangkan tentang potensi daripada kajian terhadap peninggalan budaya Islam di kawasan Sulawesi Selatan. Peninggalan berupa makam dan masjid lama tersebar di hampir semua kawasan di Sulawesi Selatan, yang sampai sekarang masih banyak tapak tersebut belum dikaji secara arkeologi. Kajian yang sudah dijalankan oleh beberapa ahli arkeologi, baru bersifat deskriptif pada beberapa tapak sahaja. Oleh itu, maka perlu dijalankan kajian secara menyeluruh, terutamanya untuk membandingkan makam-makam antara kawasan etnik, masa perkembangan, pengaruh budaya tempatan dan proses interaksi baik secara budaya mahupun secara sosial.

Rosmawati (2008a; 2008b: 44-61) dalam kajiannya tentang inskripsi pada makam di Kompleks Makam Katangka di Gowa, dapat mengidentifikasi jenis-jenis inskripsi yang dijumpai di tapak tersebut, iaitu inskripsi Arab berbahasa Makassar (Jawi) dan inskripsi Arab berbahasa Arab. Inskripsi Arab berbahasa Makassar (Jawi) berisi tentang nama, riwayat hidup, tarikh meninggal, salasilah, jasa almarhum dan sistem birokrasi. Sedangkan inskripsi Arab yang ditulis dengan bahasa Arab berisi doa-doa dan pelbagai surah dalam Al-Quran. Dengan demikian, tulisan yang terdapat pada jirat dan nisan makam di tapak tersebut, berhubungan dengan ajaran agama yang sangat dipengaruhi oleh ajaran tashawuf dan sejarah. Rosmawati (2011a) telah membincangkan tentang peninggalan budaya Islam di kawasan Sulawesi Selatan yang sangat kaya dengan tinggalan budaya Islam, salah satunya adalah makam-makam lama. Sebaran makam-makam lama tersebut belum banyak dikaji secara ilmiah, sehingga tidak banyak difahami tentang bentuk dan kandungan makna budaya yang terdapat

pada makam-makam tersebut. Dalam kajiannya telah dibuat tipologi jirat dan nisan makam yang terdapat di kawasan tersebut, dengan tujuan untuk mempermudah kajian-kajian lanjut pada masa yang akan datang. Tipologi tersebut, khususnya bentuk nisan menunjukkan bahawa terdapat pengaruh budaya luar seperti beberapa jenis nisan Aceh dan nisan Demak-Troloyo, di samping adanya pelbagai variasi nisan tempatan jenis Bugis-Makassar dan etnik yang lain. Rosmawati (2011b) mengkaji tentang proses Islamisasi di Makassar, berdasarkan kajian pada nisan. Dengan menggunakan kaedah deskripsi dan perbandingan antara bentuk-bentuk nisan jenis Aceh yang berkembang di Sumatera dan Semenanjung Malaysia dan jenis Demak-Troloyo dengan bentuk nisan pada makam-makam kuno di kawasan Makassar, dapat diketahui bahawa asal-usul daripada budaya tersebut, adalah budaya Aceh (Melayu) dan Jawa. Hal ini terutama dapat dilihat pada kehadiran nisan jenis Aceh dan jenis Demak-Troloyo pada masa lampau di beberapa kompleks makam kuno di Makassar. Nisan jenis Aceh dan Demak-Troloyo digunakan oleh para raja dan tokoh-tokoh agama Islam pada masa lampau sebagai nisan pada makam mereka, seperti yang nampak pada kompleks makam Sultan Hasanuddin, Katangka dan Tallo.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian awal yang telah dijalankan oleh para sarjana terdahulu, dapat disimpulkan bahawa kajian-kajian tersebut secara umumnya masih terhad pada masing-masing kawasan atau tapak, masih pada tahap pengumpulan data dan deskriptif, klasifikasi yang berdasarkan bentuk budaya secara etnik, tidak melihat proses perkembangan dan interaksi antara budaya, dan secara umumnya untuk kepentingan penyelamatan oleh jabatan warisan budaya. Oleh itu, maka muncul pelbagai permasalahan seperti masalah ketepatan kaedah berupa pengklasifikasian yang digunakan, ciri-ciri budaya Islam berasaskan geografi budaya pada masing-masing

etnik, interaksi sosial antara etnik dan interaksi antara budaya lokal dengan Islam berdasarkan data arkeologi, wujud daripada proses perkembangan atau pertumbuhan, makna-makna sosial dan budaya yang terkandung pada makam dan masjid lama dan masalah-masalah yang lain. Berdasarkan masalah tersebut, maka kajian ini akan cuba mencari jawapan untuk persoalan-persoalan berikut:

- a. Bila masa awal masuk dan perkembangan Islam di kawasan Sulawesi Selatan?
- b. Bagaimana corak perkembangan tamadun Islam pada masa awal di kawasan Sulawesi Selatan?
- c. Bagaimana faktor sosial dan budaya mempengaruhi sistem pemakaman Islam di kawasan Sulawesi Selatan?
- d. Bagaimana corak perkembangan tamadun Islam pada masing-masing etnik yang ada di kawasan Sulawesi Selatan?
- e. Bagaimana wujud hasil interaksi antara budaya lokal dengan Islam pada masa awal di kawasan Sulawesi Selatan?
- f. Bagaimana tamadun Islam yang berkembang di kawasan Sulawesi Selatan mempengaruhi kawasan yang lain di Nusantara?

1.4 Tujuan Kajian

Secara umum, tujuan kajian adalah untuk membina semula proses Islamisasi di kawasan Sulawesi Selatan. Fokus perbahasan adalah sisa budaya Islam yang masih dapat dijumpai, seperti makam, masjid, istana, inskripsi dan hasil temubual. Secara khusus tujuan daripada kajian ini adalah untuk menjawab permasalahan yang telah dirumuskan, iaitu untuk:

- a. Menjawab persoalan bila masa masuk dan berkembangnya Islam di kawasan Sulawesi Selatan.

- b. Mengenalpasti bentuk, ragam hias dan sebaran tapak makam-makam Islam, masjid lama dan istana kerajaan yang terdapat di kawasan Sulawesi Selatan.
- c. Menjelaskan bagaimana faktor sosial dan budaya mempengaruhi sistem pemakaman Islam di kawasan Sulawesi Selatan.
- d. Menjelaskan bagaimana corak perkembangan tamadun Islam pada masing-masing etnik yang ada di kawasan Sulawesi Selatan.
- e. Menjelaskan bagaimana wujud interaksi antara budaya tempatan dengan Islam pada masa awal di kawasan Sulawesi Selatan.
- f. Mencadangkan bagaimana tamadun Islam yang berkembang di kawasan Sulawesi Selatan mempengaruhi kawasan yang lain di Nusantara, yang dibawa oleh para migran etnik Makassar dan Bugis.

1.5 Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan menggunakan dua metod, iaitu (1) kajian pustaka dan (2) kajian penyelidikan arkeologi sejarah.

1.5.1 Kajian Pustaka

Pada tahap awal penyelidikan ini, penulis menjalankan kajian pustaka, iaitu dengan mengkaji sejumlah buku, jurnal, laporan-laporan dan tulisan-tulisan yang lain untuk mendapatkan informasi awal yang ada hubungannya dengan topik kajian. Pengumpulan data pustaka bertujuan untuk: (1) menyusun kerangka konseptual berupa gagasan, hipotesis atau teori; (2) sebagai petunjuk awal di dalam mencari dan memahami data lapangan, terutamanya untuk mengetahui tapak-tapak yang akan disurvei dalam pengumpulan data lapangan; (3) untuk mengetahui isu dan masalah yang wujud dalam kajian Zaman Islam di Sulawesi Selatan; (4) dapat pula digunakan pada tahap selanjutnya, di mana teori atau hipotesis para sarjana sebelumnya digunakan

untuk membicarakan masalah-masalah yang berhubungan dengan tafsiran data artifaktual atau untuk keperluan membangun konstruksi konseptual dalam bentuk hipotesis mahupun teori.

Seterusnya kajian ini mengumpul data dari dua sumber, iaitu data arkeologi sebagai data primer dan data sejarah berupa tulisan sejarah mahupun kronik *lontara'* yang ada hubungannya dengan topik kajian sebagai data sekunder.

a. Data arkeologi diperolehi daripada bangunan makam, masjid dan istana kerajaan, termasuk inskripsi yang terdapat pada bangunan-bangunan tersebut. Khususnya untuk tapak-tapak makam lama yang banyak terdapat di kawasan Sulawesi Selatan, maka pemilihan tapak yang akan disurvei, berasaskan pada pertimbangan perwakilan. Tapak makam para raja dianggap dapat mewakili makam yang lain, kerana secara umumnya di kompleks makam raja dimakamkan semua lapisan masyarakat, seperti raja-raja, para pembantu, masyarakat biasa dan hamba abdi. Dengan demikian kewujudan secara sosial dan budaya suatu komuniti atau etnik dapat diwakili pada kompleks makam raja-raja. Berasaskan pada konsep tersebut, maka pemilihan makam yang akan disurvei adalah kompleks makam-makam raja berdasarkan pertimbangan keutuhan dan kelengkapan tapak makam. Tapak makam lama yang dipilih harus sebahagian besar (minimal 70%) makamnya masih utuh dan orang yang dimakamkan harus lengkap mewakili pelbagai lapisan sosial yang ada. Oleh sebab itu, maka tapak-tapak yang dipilih berada pada pusat-pusat kerajaan yang ada di kawasan Sulawesi Selatan. Pada bangunan makam dan masjid, terdapat dua jenis inskripsi, iaitu inskripsi dengan huruf Arab dan inskripsi dengan huruf *lontara'*. Inskripsi huruf Arab menggunakan dua bahasa, iaitu: (1) bahasa Arab, secara umumnya berisi doa atau ayat-ayat dalam Al-Quran, dan (2) bahasa daerah

(Makassar, Bugis, Mandar) yang dipanggil huruf Jawi, berisi tentang nama, gelaran, keterangan bila mangkat, salasilah, jawatan dan peranannya ketika masih hidup.

- b. Data sejarah pula diperolehi dari kronik *lontara*’, tulisan sejarah dan dokumen dari zaman Belanda sebagai data sekunder. Data sekunder juga dapat diperolehi dari temubual, terutamanya untuk mengetahui nama dan peranan orang yang dimakamkan, serta terminologi, pemahaman dan pemaknaan budaya kubur. Data *lontara*’ diperolehi daripada inskripsi pada makam dan dokumen kronik *lontara*’. Dokumen kronik *lontara*’ diperolehi daripada koleksi Muzium, seperti Muzium Balla Lompoa di Gowa, Muzium Batara Guru di Luwu dan Muzium Mandar di Majene. Dokumen *lontara*’ yang kandungannya ada hubungan dengan topik kajian, diterjemah oleh ahli *lontara*’ pada Jurusan Sastera Daerah, Fakulti Ilmu Budaya, Universiti Hasanuddin.
- c. Data Etnografi diperolehi dari pemerhatian terhadap masyarakat yang masih mengamalkan pembuatan senibina jirat dan nisan makam di Allakkuang dan ritual pemakaman secara tradisional yang masih dijalankan oleh sebahagian masyarakat Bugis-Makassar.

1.5.2 Kajian Penyelidikan Arkeologi Sejarah

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian arkeologi sejarah (*historical archaeology*), maka digunakan gabungan dua pendekatan penyelidikan iaitu, kaedah penyelidikan arkeologi dan kaedah penyelidikan sejarah yang dikenali sebagai penyelidikan arkeologi sejarah. Kaedah penyelidikan arkeologi sejarah digunakan untuk mengkaji budaya fizikal tinggalan zaman Islam awal, seperti makam, masjid, istana, artifak, dan inskripsi yang ada pada makam dan masjid serta dokumen berupa kronik *lontara*’, rujukan pada tulisan sejarah Islam dan temubual.

Kaedah arkeologi yang diguna dalam penyelidikan ini terdiri daripada tiga tahap iaitu, tahap pengumpulan data, tahap pengolahan data, dan tahap interpretasi atau penafsiran data. Tahap pengumpulan data dijalankan dengan teknik survei, iaitu pemerhatian secara langsung di lapangan dengan mengadakan pemerhatian pada bahagian permukaan tanah yang mengandungi pelbagai data arkeologi. Pemerhatian ialah usaha untuk mengumpulkan data lapangan dengan mengadakan pengamatan secara langsung di lapangan dan soal selidik secara sistematik untuk melakukan kegiatan pengambilan data arkeologi. Dalam perakaman data arkeologi, dilakukan kegiatan inventori, pengukuran, penggambaran, pemetaan dan deskripsi. Kajian dijalankan di tapak-tapak makam di kawasan Sulawesi Selatan dalam tiga tahap, iaitu: (1) tahap pertama berlangsung daripada 20-30 Mei 2011 dengan menjalankan pemerhatian dan temubual di kawasan Makassar, Gowa dan Jeneponto, iaitu tapak Kompleks Makam Sultan Hasanuddin, Kompleks Makam Raja-Raja Tallo, Kompleks Makam Katangka, Kompleks Makam Arung Palakka, Masjid Lama Katangka, Istana Balla' Lompoa, Kompleks Makam Barrang Lompoa, Kompleks Makam Ta'baka, Kompleks Makam Joko, Masjid Lama Tolo', rumah adat Tolo' dan istana Kerajaan Binamu. (2) Tahap kedua berlangsung daripada 10-17 Jun 2011, kajian dijalankan di kawasan Wajo dan Luwu, iaitu tapak-tapak makam lama, masjid lama, benteng dan temubual di kawasan Tosora (Wajo) dan pemerhatian dan temubual di tapak Kompleks Makam Dato' Patimang-Malangke, Kompleks Makam Raja-Raja Luwu-Lokko'e dan Masjid Lama Palopo. (3) Tahap ketiga berlangsung daripada 14-29 Julai 2011 dan tumpuannya di kawasan etnik Makassar, Bugis, dan Toraja. Tapak-tapak yang disurvei adalah: Kompleks Makam Manjang Loe, Kompleks Makam Raja-Raja Binamu, Kompleks Makam Makam La Tenriruwa, Masjid Lama Tompong, Istana Balla' Lompoa Bantaeng, Kompleks Makam Dea Daeng Lita, Kompleks Makam Tonteng

Daeng Mattarang, Kompleks Makam Lamuru, Kompleks Makam Nagauleng, Kompleks Makam Jerak Lompoe, Kompleks Makam Sumpang Ralla, Kompleks Makam We Tenri Olle, Kompleks Makam Allakkuang, Kompleks Makam Laiya, Kompleks Makam Baroko, dan Kompleks Makam Tandil Jalling.

Analisis atau pengolahan data adalah penguraian data tapak berdasarkan klasifikasi secara taksonomi dan analitik (Rouse, 1971: 108-121). Langkah awal dalam klasifikasi data tapak ialah mengkategorikan data, kemudian analisis dibuat berdasarkan sifat teknologi, jenis, gaya dan taburan keranda untuk menghasilkan klasifikasi yang lebih lanjut (Sedyawati, 1985: 20). Hasil klasifikasi secara teknologi, jenis, gaya dan taburan kemudian dipaparkan ke dalam ruang, waktu, konteks dan budaya sebagai bukti (Fagan, 1991: 279). Dengan demikian, analisis data adalah suatu kegiatan yang lebih fokus pada pemilihan atau klasifikasi data berdasarkan geografi, teknologi jenis, bentuk, ragam hias, kronologi, hubungan-hubungan dan kecenderungan. Pengelompokan data menurut jenis tersebut, bertujuan untuk mengetahui kesahian dan keaslian data (Thomas, 1979: 213-217). Klasifikasi data makam di kawasan Sulawesi Selatan yang telah dijalankan oleh para ahli sarjana terdahulu, menggunakan klasifikasi secara formal berasaskan morfologi dan ukuran untuk melihat persamaan dan kecenderungan, sehingga sukar dihubungkan dengan pemaknaan secara sosial dan budaya. Oleh sebab itu, dalam penyelidikan ini digunakan klasifikasi jenis jirat dan nisan makam dengan menggunakan kaedah gabungan, iaitu berasaskan klasifikasi formal secara etik dan klasifikasi berdasarkan pengertian masyarakat tempatan secara emik. Langkah selanjutnya akan memberikan data yang diklasifikasikan berdasarkan geografi, riwayat, morfologi dan unsur-unsur pelengkapannya. Hal ini bertujuan untuk menganalisis data-data arkitektur terutamanya data makam, masjid, ragam hias dan inskripsi, untuk dipaparkan ke dalam jenis, ruang

dan masa. Tujuannya adalah untuk mengetahui ciri-ciri budaya pada masa tertentu dan ruang dalam hubungannya dengan geografi pada etnik masing-masing.

Tahap penafsiran atau interpretasi data, yaitu tahap menafsirkan data arkeologi berdasarkan hasil analisis data dan analogi dengan data sejarah dan hasil temubual, bagi mengetahui dan memahami bentuk, masa, makna dan peranan budaya makam pada masa dahulu. Dengan demikian aspek bentuk (*form*) dan gagasan (*idea*) dapat difahami kaitannya, sehingga kedua aspek kebudayaan tersebut dapat diinterpretasikan agar mempunyai hubungan yang padu dan tidak terpisah antara satu dengan yang lain. Hal ini dapat dicapai dengan mengintegrasikan semua data, baik data arkeologi, sejarah mahupun data etnografi, dengan bantuan konsep atau teori-teori yang rapat kaitannya dengan persoalan pada setiap topik perbincangan.

Penafsiran dilakukan dengan cara: (1) menafsirkan data berasaskan hasil analisis morfologi dan jenis untuk dapat menjelaskan masa perkembangan dan makna-makna yang terkandung pada setiap jenis kategori data, terutamanya pada jirat dan nisan makam. Kelemahan pada penafsiran tersebut adalah, tidak semua jirat dan nisan makam mempunyai inskripsi yang merujuk kepada masa dan sulit untuk membuat penafsiran tentang makna atau idea yang terkandung pada setiap jenis. (2) Untuk mengatasi soalan tersebut, maka dilakukan pemahaman silang dengan data sejarah berupa naskah *lontara*, rujukan sejarah yang terdahulu dan temubual. Data sejarah dapat memberi maklumat tentang masa, nama tokoh yang dimakamkan dan peranan tokoh tersebut semasa hidup. Sedangkan data temubual dapat memberikan pemahaman tentang masa, nama-nama tokoh, peranan tokoh semasa hidup dan makna-makna budaya yang terkandung pada setiap kategori atau jenis data tertentu. (3) Melakukan perbandingan atau analogi dengan data etnografi untuk dapat menjelaskan teknologi, jenis dan makna-makna yang dikandung budaya makam.

Data inskripsi berupa inskripsi Jawi dan *lontara'*, dianalisis dengan menggunakan pendekatan sejarah untuk memperoleh fakta yang sah dalam kajian ini. Data atau fakta berupa inskripsi di makam, akan dijalankan kritik sumber dan pemilihan, berdasarkan pertimbangan keaslian dan kesahihan (Gottschalk, 1975: 96). Analisis teks yang terdapat pada makam, akan dijalankan pada bentuk berdasarkan gaya dan isinya yang menyangkut dengan kandungan daripada inskripsi tersebut. Bagi memahami data inskripsi dan seni bangunan maka digunakan pula perbandingan dengan data-data sejarah yang diperolehi daripada *lontara'*, kajian sejarah terdahulu, temubual dan analogi etnografi.

Pendekatan lain yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah analogi dengan data etnografi (etnoarkeologi), yang berdasarkan pendekatan kesinambungan sejarah budaya (*direct historical approach*). Secara umumnya, etnoarkeologi berusaha mempelajari aspek-aspek tingkahlaku masyarakat masa kini dari perspektif arkeologi (Mundarjito, 1981). Melalui pemerhatian, para ahli etnoarkeologi perlu mendefinisikan secara sistematik hubungan antara tingkahlaku dengan budaya material dan cuba memahami tingkahlaku yang digambarkan daripada tinggalan-tinggalan budaya yang ditemui oleh ahli arkeologi (Kramer, 1979: 2). Oleh yang demikian, etnoarkeologi dapat diertikan sebagai kajian mengenai budaya material dalam konteks sistem untuk memperolehi maklumat yang dapat digunakan dalam kajian arkeologi.

Pemilihan pendekatan tersebut, berasaskan kepada pertimbangan bahawa di kawasan Sulawesi Selatan masih ada masyarakat tempatan yang membuat senibina jirat dan nisan makam. Tradisi pembuatan jirat dan nisan tersebut dijalankan secara turun-temurun dari leluhurnya, sehingga masih berlaku prinsip adanya kesinambungan sejarah budaya antara peninggalan budaya fizikal (artifak) dengan sistem sosio budaya masyarakat pembandingnya. Penyelidikan etnografi dijalankan pada masyarakat